

# Dr. M: Terimakasih

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merakamkan terima kasih kepada seluruh rakyat serta penghargaan kepada pekerja Barisan Nasional kerana kepercayaan dan perpaduan mereka membawa kejayaan cemerlang kepada parti dalam pilihanraya umum kali ini.

Dengan nada merendah, Pengerusi BN itu menegaskan, kejayaan BN yang sungguh luar dari dugaannya hari ini adalah hasil perpaduan

rakyat dan semangat setiakawan yang semakin menebal di kalangan pemimpin dan pekerja BN.

Di samping itu, Perdana Menteri berkata, kemenangan BN bukan sahaja kerana prestasi pentadbirannya selama ini, malahan kerana janji-janji yang dibuat serta kemampuan menunaikan janji berkenaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang kelihatan penat tetapi segar dan tenang sewaktu menghadapi detik-detik penuh debar menanti keputusan pilihanraya sehingga awal pagi, me-

lahirkan penghargaan kepada rakyat dan pekerja BN menerusi kenyataan ringkas melalui Radio dan TV Malaysia dan sidang akhbar di Rumah Malaysia kira-kira 7 pagi tadi.

## Korban

"Saya sungguh berterima kasih kepada sekalian rakyat kerana keputusan yang saya ketahui setakat ini memang di luar dugaan saya.

"Walaupun saya berpuas hati dengan keputusan bagi diri saya sendiri, saya lebih berpuas hati setelah mengetahui bahawa BN ber-

jaya menawan kubu-kubu pembangkang, khususnya di bandar.

"Saya yakin pengundi yang lama berada di dalam kawasan pembangkang mula sedar bahawa mereka tidak lagi sanggup menjadi korban selama-lamanya.

"Sebab itu mereka memilih BN yang menawarkan mereka kerajaan yang bersih, cekap dan amanah," tambahnya.

Beliau juga menegaskan, rakyat kini tidak boleh ditipu dan dipengaruhi dengan isu-isu perkauman lapuk dan tidak menasabah.